

04/12/2000

Peraturan kempen pilihan raya perlu diteliti

KUALA LUMPUR, Ahad - Kajian menyeluruh terhadap undang-undang, peraturan dan prosedur kempen pilihan raya perlu diperhalusi bagi mengelak insiden di Lunas berulang, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Sehubungan itu, beliau berharap Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan polis membuat laporan terperinci mengenai insiden sepanjang kempen pilihan raya kecil Lunas agar boleh dijadikan garis panduan pindaan undang-undang berkaitan.

"Sudah tiba masanya pindaan dibuat terhadap undang-undang SPR bagi memastikan apa yang berlaku Lunas tidak berulang," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin berhubung cadangan mengkaji undang-undang pilihan raya bagi memastikan tidak ada isu sensitif digunakan sebagai modal berkempen.

Dr Mahathir dalam kenyataannya berkata, kajian terhadap undang-undang SPR juga perlu dibuat dalam menangani penggunaan kaedah mengugut, mengganggu dan keganasan oleh sesetengah parti politik untuk meraih undi.

Muhammad berkata, salah satu pindaan undang-undang yang perlu dibuat ialah menjauhkan jarak kawasan mengundi dengan kawasan pemeriksaan pondok pendaftaran mengundi agar pemilih tidak diganggu perayu dan penyokong parti yang bertanding.

(END)